

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN KE-43 TAHUN 2026 DAN
PELANCARAN PORTAL KOPERASI KOBESI
MALAYSIA BERHAD**

**20 JUN 2026, JAM 9.30 PAGI
BILIK MESYUARAT DELIMA 1 & 2, BLOK B,
PUSAT BELIA ANTARABANGSA (IYC),
JALAN
YAACOB LATIF, BANDAR TUN RAZAK, KL**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI
dan Salam Koperasi

[SALUTASI DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR]

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam **Mesyuarat Agung Tahunan Ke-43 Koperasi KOBESI Malaysia Berhad** serta menyaksikan satu lagi detik penting dalam perjalanan koperasi ini menerusi **Pelancaran Portal Koperasi KOBESI Malaysia Berhad**.

2. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Koperasi KOBESI Malaysia Berhad atas jemputan untuk bersama-sama dalam majlis yang cukup bermakna ini. Sesungguhnya, hubungan saya dengan KOBESI bukanlah hubungan yang baharu. Malah, sepanjang penglibatan saya dalam gerakan koperasi, saya berpeluang menyaksikan sendiri perkembangan dan kematangan koperasi ini dalam mengharungi pelbagai cabaran serta perubahan landskap ekonomi negara.

3. Lebih istimewa, saya berkesempatan mengenali dan bekerjasama dengan barisan kepemimpinan terdahulu yang telah banyak berjasa kepada pembangunan KOBESI. Pemergian **Allahyarham Salim Ahmad dan Allahyarham Haji Abd Wahab Basiran** merupakan **kehilangan besar kepada gerakan koperasi**, namun saya percaya, legasi yang ditinggalkan terus menjadi inspirasi kepada generasi kepemimpinan hari ini untuk meneruskan agenda pembangunan koperasi yang progresif dan mampan.

Rakan-rakan gerakan koperasi yang saya hormati,

4. **Mesyuarat Agung Tahunan bukan sekadar memenuhi tuntutan perundangan atau proses tadbir urus sesebuah koperasi.** Lebih daripada itu, ia merupakan platform demokrasi ekonomi yang memberi ruang kepada

anggota untuk menilai prestasi, menyuarakan pandangan, mencorakkan hala tuju serta menentukan masa depan organisasi yang mereka miliki bersama.

5. Inilah **keunikan model koperasi** yang membezakan kita daripada entiti perniagaan lain. Setiap keputusan yang dibuat bukan semata-mata berasaskan keuntungan, tetapi turut mengambil kira kebajikan, kesejahteraan dan kepentingan anggota secara keseluruhannya.
6. Dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar dan kompetitif, koperasi perlu terus memperkukuhkan daya tahan organisasi, memperkemaskan tadbir urus, meningkatkan kecekapan operasi dan meneroka peluang baharu yang mampu memberi nilai tambah kepada anggota.

7. Saya difahamkan bahawa **KOBESI akan terus memberi tumpuan kepada aktiviti pembiayaan kredit sebagai teras utama perniagaannya.** Ini merupakan sektor yang amat penting kerana akses kepada pembiayaan yang selamat, berpatutan dan beretika mampu membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi anggota serta menyokong keperluan kewangan mereka pada setiap peringkat kehidupan.

Hadirin sekalian,

8. Hari ini kita menyaksikan **pelancaran Portal Koperasi Kobesi Malaysia Berhad.** Pada pandangan saya, pelancaran ini bukan sekadar pelancaran sebuah laman sesawang atau sistem digital semata-mata, tetapi merupakan **simbol komitmen KOBESI dalam mendepani era transformasi digital** yang sedang mengubah cara organisasi beroperasi dan berinteraksi dengan anggota.

9. Dunia hari ini bergerak pantas ke arah pendigitalan. Anggota kini mengharapkan akses yang lebih mudah, lebih pantas dan lebih telus terhadap maklumat serta perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi mereka. Justeru, saya yakin portal ini bakal menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efektif, selain berfungsi sebagai pusat maklumat, medium komunikasi serta platform interaksi yang menghubungkan koperasi dengan anggotanya tanpa mengira lokasi dan masa.
10. Lebih penting, inisiatif ini selaras dengan **aspirasi Dasar Koperasi Malaysia, agenda pendigitalan negara serta usaha berterusan ANGKASA** dalam memperkukuhkan transformasi digital gerakan koperasi supaya terus relevan, kompetitif dan berdaya tahan dalam ekonomi masa hadapan.

Hadirin yang dihormati,

11. Seperti yang kita sedia maklum, **KOBESI merupakan antara koperasi yang mempunyai sejarah panjang** dan membanggakan dalam gerakan koperasi negara. Sejak **ditubuhkan pada tahun 1969**, koperasi ini telah melalui pelbagai fasa perkembangan dan perubahan, sekali gus membuktikan ketahanan serta keupayaannya untuk terus relevan dalam memenuhi keperluan anggota.
12. Malah, menjangkau **lebih lima dekad penubuhannya**, KOBESI telah membina reputasi sebagai sebuah koperasi yang stabil, berwibawa dan dipercayai. Kejayaan ini tidak datang secara kebetulan, sebaliknya hasil daripada komitmen anggota, kepimpinan yang berwawasan serta pengurusan yang sentiasa berusaha meningkatkan prestasi organisasi.

13. Oleh sebab itu, Tuan / Puan sebagai anggota, seharusnya berbangga dengan pencapaian KOBESI. KOBESI bukan sahaja berjaya menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada anggota, malah turut memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan gerakan koperasi negara. **Hubungan erat dan kerjasama yang terjalin bersama ANGKASA** selama ini juga telah memberi sumbangan yang signifikan kepada pengukuhan ekosistem koperasi di Malaysia.

14. Apa yang lebih membanggakan, kejayaan KOBESI sentiasa diterjemahkan kepada manfaat yang dinikmati oleh para anggota. Melalui aktiviti pembiayaan kredit dan pelbagai perkhidmatan yang disediakan, koperasi ini telah membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi anggota serta

membuka peluang yang lebih baik untuk masa depan mereka.

15. Inilah semangat sebenar koperasi **daripada anggota, oleh anggota dan untuk anggota**. Sesungguhnya KOBESI telah membuktikan peranannya sebagai wadah ekonomi yang berjaya memperkasa kebajikan dan kesejahteraan anggota. Lebih daripada sekadar sebuah koperasi, **KOBESI merupakan rakan strategik kepada ANGKASA** serta pemangkin kepada penjana pendapatan dan peningkatan taraf hidup anggotanya selama lebih lima dekad.

16. Dalam konteks yang lebih luas, kita juga perlu melihat kejayaan KOBESI sebagai sebahagian daripada kekuatan gerakan koperasi negara secara keseluruhannya.

Hadirin yang dihormati,

17. Hari ini, gerakan koperasi Malaysia dianggotai oleh **7.3 juta anggota melalui lebih 16,000 koperasi yang berdaftar di seluruh negara dengan jumlah aset melebihi RM186 bilion dan perolehan tahunan yang mencecah lebih RM80 bilion.** Angka ini membuktikan bahawa koperasi bukan lagi dilihat sebagai sektor pelengkap, sebaliknya merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.
18. Setiap kejayaan yang dicapai oleh sesebuah koperasi sebenarnya turut menyumbang kepada pengukuhan keseluruhan gerakan koperasi negara. Atas sebab itu, saya sentiasa menekankan bahawa koperasi perlu terus memperkukuhkan tadbir urus, meningkatkan keupayaan perniagaan, mempercepatkan proses pendigitalan serta melahirkan kepimpinan yang berintegriti dan berpandangan jauh.

19. **ANGKASA** sebagai badan apeks gerakan koperasi negara akan terus komited memainkan peranan sebagai **pemudah cara, penggerak dan rakan strategik** kepada koperasi-koperasi di seluruh negara agar manfaat ekonomi yang diwujudkan dapat dirasakan oleh lebih ramai anggota dan masyarakat.

20. Sesungguhnya, apabila koperasi berkembang maju, anggota akan memperoleh manfaat. Apabila anggota menikmati kesejahteraan yang lebih baik, komuniti akan menjadi lebih kukuh. Dan apabila komuniti menjadi lebih kukuh, negara turut menerima manfaat daripada pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan.

Saudara dan saudari sekalian,

21. Dalam mendepani cabaran ekonomi yang semakin kompleks, kejayaan sesebuah koperasi tidak

hanya bergantung kepada barisan kepimpinannya semata-mata, tetapi memerlukan sokongan padu dan penglibatan aktif seluruh anggota.

22. Oleh itu, **saya menyeru agar seluruh anggota KOBESI terus memberikan sokongan kepada kepimpinan koperasi, meningkatkan penyertaan dalam aktiviti dan program yang dianjurkan serta bersama-sama menjayakan visi dan aspirasi koperasi untuk menjadi organisasi yang lebih progresif, berdaya saing dan mampan.**

23. Sesungguhnya kejayaan sesebuah koperasi bukan diukur semata-mata melalui keuntungan yang diperolehi, tetapi sejauh mana manfaat tersebut dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh anggota.

24. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan **penghargaan kepada**

Ahli Lembaga Koperasi, pihak pengurusan dan seluruh anggota atas dedikasi, komitmen dan usaha berterusan yang telah ditunjukkan dalam memajukan Koperasi Kobesi Malaysia Berhad.

25. Saya berharap KOBESI akan terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah koperasi yang progresif, berdaya saing dan sentiasa menjadi contoh kepada koperasi-koperasi lain dalam aspek tadbir urus, inovasi, transformasi digital serta pembangunan ekonomi anggota.
26. Dengan semangat kerjasama, integriti, profesionalisme dan inovasi, saya yakin Koperasi Kobesi Malaysia Berhad akan terus melakar lebih banyak kejayaan pada masa hadapan serta terus menjadi antara koperasi yang menyumbang kepada kekuatan gerakan koperasi negara.

27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya **merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-43 Koperasi Kobesi Malaysia Berhad dan seterusnya melancarkan Portal Koperasi Kobesi Malaysia Berhad.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

**"KOBESI Meneraju Ekonomi Anggota
Menjelang 2030"**
Terima kasih.